



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

28 Oktober 2021

## KENYATAAN MEDIA

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen mendengar taklimat Ketua Audit Negara berhubung Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 serta Pamatuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020.
2. PAC dimaklumkan Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter) telah dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara.
3. PAC mengambil perhatian berkenaan dengan sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4 peratus daripada keseluruhan RM194.555 bilion pinjaman baharu Kerajaan digunakan hanya untuk tujuan membayar balik prinsipal hutang bagi tahun 2020. Jumlah ini meningkat sebanyak RM15.335 bilion berbanding dengan jumlah RM82.723 bilion pada tahun 2019.
4. **Jumlah ini diramal akan bertambah dalam tahun-tahun yang akan datang dan ia merupakan suatu keadaan yang membimbangkan apabila Kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang.**
5. Selain itu, PAC juga dimaklumkan bahawa Pinjaman Kasar untuk tujuan Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2020 berjumlah RM48.571 bilion tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan pembangunan. Hanya sejumlah 77.53% atau RM37.656 bilion digunakan untuk tujuan pembangunan dan yang bakinya digunakan untuk tujuan pelunasan liabiliti dan komitmen jaminan serta untuk tujuan perbelanjaan mengurus.

6. **Keadaan ini adalah tidak sihat dan tidak dapat mengoptimumkan tujuan peruntukkan pembangunan.**
7. Dalam pengauditan pematuhan terhadap Kementerian dan Jabatan Persekutuan pula, jumlah semakan audit bagi lapan (8) tajuk pengauditan bernilai RM899.44 juta, sejumlah RM620.07 juta dikesan membabitkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran, yang maklumat terperinci seperti yang dilaporkan dalam LKAN.
8. Daripada jumlah itu, sejumlah RM499.18 juta adalah isu pembayaran tidak teratur membabitkan Majlis Keselamatan Negara dalam Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan. **PAC akan mengadakan prosiding berkenaan dengan isu ini.**

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh